

# Dua bekas pegawai kanan Pos Malaysia hadapi 5 tuduhan

**Shah Alam:** Dua bekas pegawai kanan Pos Malaysia Bhd masing-masing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas lima pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM26,000 bagi membantu mempercepatkan bayaran kepada sebuah syarikat, dua tahun lalu.

Bekas Ketua Pengurusan Kontrak dan Armada, Abdul Hadi Aziz Wong dan bekas Penolong Pengurus Operasi, Ruslin Sapari, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Abdul Hadi, 48, dan Ruslin, 54, yang bertugas di Bahagian Pengurusan Kenderaan Pos Malaysia, masing-masing didakwa dengan tiga dan dua pertuduhan secara rasuah menerima suapan untuk diri mereka, iaitu wang berjumlah RM16,000 serta RM10,000 melalui pindahan secara dalam talian ke akaun bank milik kedua-dua lelaki itu daripada syarikat OnxOn Logistik Sdn Bhd sebagai upah melakukan perbuatan berkenaan.

Suapan itu bagi membantu mempercepatkan bayaran Pos Malaysia kepada syarikat OnxOn Logistik bagi kerja ‘Outsourcing Linehaul’ dan ‘Shuttle Services’ di Sabah dan Sarawak.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di dua cawangan bank, iaitu di USJ Subang Jaya dan Ara Damansara dekat sini antara 11 Jun hingga 23 Julai 2020.

Pertuduhan mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal kesalahan itu jika suapan dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

## Mohon jaminan

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Irwan Shah Abdul Samat mencadangkan jaminan RM8,000 kepada Abdul Hadi dan RM5,000 bagi Ruslan bersama seorang penjamin, selain syarat tambahan kedua-dua tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melaporkan diri di pejabat SPM terdekat sebulan sekali.

Bagaimanapun, peguam Irzan Iswatt Mohd Noor yang mewakili Abdul Hadi dan peguam Najiah Zaimah Aris mewakili Ruslin masing-masing memohon jaminan RM5,000 dengan alasan anak guam mereka adalah penanggung utama keluarga, selain memberi kerjasama baik dengan pihak SPM sepanjang siasatan kes berkenaan.

Rozilah kemudian menetapkan jaminan RM7,000 kepada Abdul Hadi dan RM5,000 kepada Ruslan serta seorang penjamin, selain membenarkan syarat tambahan diminta pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 13 Januari tahun depan untuk sebutan semula kes. BERNAMA